

05/03/2000

16 bahagian Umno bersidang hari ini

KUALA LUMPUR: Enam belas bahagian Umno di Sabah, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan akan mengadakan persidangan hari ini dan memilih calon untuk bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT).

Lima bahagian di Sabah ialah Bandau, Penampang, Papar, Sepitang dan Tanjung; Gerik, Sungai Siput dan Batu Gajah, Perak; Tasik Gelugor dan Jelutong, Pulau Pinang; Ledang, Sungai Benut, Senai dan Tenggara, Johor; Batu Berendam, Melaka dan Cheras.

Pemilihan itu dijangka menarik kerana ramai ingin mengetahui pencalonan bagi jawatan tertinggi parti, terutama bagi jawatan Naib Presiden Umno yang setakat ini sembilan calon menawarkan diri bertanding.

MT pada mesyuaratnya Januari lalu sebulat suara mengesyorkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan jawatan, manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula bertanding jawatan Timbalan Presiden.

(END)